

21/06/1998

Ahli Umno dalangi buku fitnahkan Anwar

KUALA LUMPUR: Orang dalam Umno sendiri dikatakan bertanggungjawab mengedar dan menerbitkan sebuah buku yang memfitnah Timbalan Presiden parti, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perkara itu didedahkan wakil Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Ruslan Kassim, sewaktu membahas usul ucapan dasar Presiden pada hari kedua Perhimpunan Agung Umno, semalam.

Ruslan berkata, beliau mempunyai bukti penerbit buku 50 Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Jadi Perdana Menteri menggunakan premis syarikat yang dimiliki orang Umno.

Rabu lalu, peguamcara Anwar, Tetuan Faiz and Co, dalam kenyataannya selepas memperolehi perintah injunksi interim daripada Mahkamah Tinggi di sini, cuma menyebut buku itu yang ditulis Khalid Jafri, diterbitkan oleh Media Pulau Legenda.

Bagaimanapun, Ruslan berkata, siasatan pihaknya mendapati penerbit berkenaan menggunakan premis syarikat Sri Arteesee Sdn Bhd (Sri RTC) yang dimiliki orang Umno sendiri.

Beliau turut mendedahkan nama pemilik premis itu selepas perwakilan memintanya berbuat demikian.

Menurut Ruslan, selepas diperiksa di Pendaftar Syarikat, pemilik syarikat Sri RTC adalah Puan Sri Siti Zabedah Abdullah pemegang kad pengenalan bernombor 4226595 dan Abdul Rahim Tamby Chik (2461786).

"Apa yang lebih tragis lagi ialah buku itu diberi dan diedarkan sendiri melalui saluran rasmi parti. Ia diedar oleh pendokong dan pekerja parti melalui beg rasmi perwakilan beserta dokumen rasmi perhimpunan agung. Masya-Allah, apa sudah jadi dengan urusetia Ibu Pejabat parti," katanya.

Beliau berkata, ahli parti harus tahu petualang yang menyusup masuk ke dalam sistem parti untuk menabur racun sehingga tercemar kemurnian dan keikhlasan perjuangan membela nasib orang Melayu.

Sementara itu, wakil Badan Perhubungan Umno Perak, Mohd Fadhil Harun mahu Kementerian Dalam Negeri (KDN) menyasiat dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang menyebarkan fitnah ketegangan hubungan di antara Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar.

Menurutnya, dalang yang terbabit dalam angkara itu wajar dikenakan tindakan kerana ia menjejaskan kekukuhan parti.

"Dalam pertemuan tertutup praperhimpunan agung Rabu lalu, Dr Mahathir menyebut bahawa ada pihak yang mengatakan hubungannya dengan Anwar tidak baik. Tetapi Presiden sendiri mengakui bahawa hubungan mereka berdua adalah baik dan kita (ahli) pun lihat begitu.

"Oleh itu, siapa yang menjadi dalang dengan menyebarkan cerita sedemikian wajar dikenakan tindakan tegas oleh pihak KDN mengikut Akta Hasutan," katanya.

Mohd Fadhil yang juga Ketua Umno Sungai Siput, berkata tindakan yang sama juga perlu dikenakan kepada mereka yang terbabit dalam perbuatan menyebarkan surat layang dan penulisan buku politik yang tidak bertanggungjawab.

Ini penting bagi mengelak tuduhan atau gambaran bahawa negara ini tidak mempunyai undang-undang bagi mengatasi masalah itu.

Malah, katanya, isu berkenaan terbukti belum ditangani secara berkesan oleh kerajaan walaupun sudah banyak kali disuarakan di Perhimpunan Agung Umno sebelum ini.

"Kita minta KDN supaya bersikap tegas dalam soal ini sebelum ia terus

menular sehingga menjejaskan kestabilan parti.

"Bukan sahaja penulis buku `50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi Perdana Menteri', Khalid Jafri yang perlu ditahan, tetapi juga dalang atau penaja di sebaliknya perlu dikenakan tindakan yang sama.

"Saya percaya beliau (penulis) tidak akan berani menulis jika tiada orang besar di belakangnya," katanya disambut tepukan gemuruh perwakilan.

Wakil Pergerakan Pemuda Umno, Mohd Sukardi Mohd Nor turut mendesak tindakan tegas terhadap penulis, pengedar dan penaja buku yang sama.

(END)